

# Gloria Jean's Coffees hasil menu baru

» Pelbagaikan kopi, rancang hidang menu tempatan di rangkaian restoran

Oleh Aizuddin Sapian  
aizuddin@bharian.com.my

**W**onderful Lifestyle Sdn Bhd, francais induk restoran Gloria Jean's Coffees di Malaysia serta Brunei merancang mempelbagaikan lagi minuman kopi dengan pilihan menu makanan tempatan yang sesuai bagi meluaskan pasarnya di di negara ini.

Ketua Eksekutifnya, Fauzi

Awang, berkata pengenalan menu baru itu dijangka meningkatkan jualan rangkaian restoran kopi premium itu kepada demografi pelanggan yang lebih meluas di negara ini.

"Kami melihat pengguna di negara ini gemar menikmati makanan selain mereka yang mahu menikmati cita rasa kopi yang berkualiti. Justeru, kami yakin dengan pengenalan pelbagai menu makanan akan meluaskan lagi pasaran kami.

"Kami sudah pun mengadakan kerjasama dengan pasukan penyelidik daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi memilih dan menghasilkan menu yang se-

## INFO

### Pelaburan francais Gloria Jean's Coffees

- RM350,000 - RM500,000 - restoran penuh
- RM150,000 - push kart



Fauzi **peneraju** Gloria Jean's Coffees.

[FOOT HASRIYASAH SABUDIN/BH]

suai. Jika berjalan lancar, pengguna negara ini boleh menikmati menu baru Gloria Jean's Coffees seawal tahun depan," katanya kepada BH di Kuala Lumpur.

Syarikat itu menyatakan antara menu tempatan yang dicadangkan termasuk goreng pisang, kuih muih, dan pelbagai makanan popular tempatan sejajar dengan kepelbagaian budaya negara ini.

"Proses menghasilkan menu ini bukan sesuatu yang mudah tetapi dengan kecanggihan teknologi masa kini, kami yakin untuk menghasilkan pelbagai menu makanan tempatan segera.

"Ini penting kerana ia membolehkan kami menjimat masa untuk menghadirkan makanan kepada pelanggan selain faktor logistik yang perlu diambil kira dalam operasi perniagaan kami," kata Fauzi.

Dalam pada itu, beliau menjemput individu atau syarikat yang berminat untuk menyertai program francais Gloria Jean's Coffees.

Katanya, mereka yang berminat boleh memilih sama ada mahu membuka rangkaian baru dengan pelaburan antara RM350,000 hingga RM500,000 mengikut lokasi, atau pun rangkaian 'push kart' yang hanya melibatkan pelaburan RM150,000.

